

## Bidaan unit niaga di MRT dibuka

**KUALA LUMPUR 22 Mac** - Mass Transit Corporation Sdn. Bhd (MRT Corp.) membuka bidaan untuk 41 unit niaga di 21 stesen bertingkat laluan MRT Sungai Buloh-Kajang kepada mereka yang berminat.

Pengarah Komersial dan Pengurusan Tanah MRT Corp, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, tempoh untuk penyerahan cadangan perniagaan dan tawaran tersebut bermula 18 Mac lalu sebelum berakhir pada 18 April ini.

Menurutnya, MRT Corp. memilih model di mana cadangan perniagaan dan bidaan perlu dikemukakan supaya terdapat ketelu-

san dalam proses berkenaan.

“Proses itu juga akan memastikan MRT Corp memperoleh perniagaan serta pulangan terbaik menerusi sewaan ruang niaga yang merupakan sumber pendapatan bukan dari tambang.

“Kami pasti membuka lebih banyak ruang niaga untuk disewa dalam masa yang terdekat ini,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, MRT Corp. mencari peniaga yang mempunyai idea menarik dan perkhidmatan sesuai untuk komuter dengan gaya hidup bandar selain berdaya tahan.